



جابتن حال احوال اڪام اسلام قولاو قينغ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG
LEBUH PANTAI
10300 PULAU PINANG



TELEFON : 04-684 7000
FAKSIMILI : 04-684 7777
<http://jaipp.penang.gov.my>

Ruj.Kami : JHEAIPP.PMS.3000-1/7/1 JLD.2 (١٥)

Tarikh : 24 Rabiulawal 1445H

10 Oktober 2023M

Semua Pengerusi Kariah Masjid
Negeri Pulau Pinang

Y.Bhg Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato' /Tuan,

BANTUAN KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat dari Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang MAINPP 03/08/09 Jld. 5 (72) bertarikh 09 Oktober 2023 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa lanjutan tragedi serangan tentera Israel ke atas Semenanjung Gaza, pihak MAINPP telah merencanakan agar satu Bantuan Kemanusiaan Rakyat Palestin dilancarkan bagi menunjukkan soladiriti dalam membantu umat Islam yang sedang ditimpa musibah.

3. Sehubungan dengan itu, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang ingin melancarkan Bantuan Kemanusiaan Rakyat Palestin melalui kutipan Tabung Jumaat di masjid-masjid seluruh negeri Pulau Pinang. Oleh yang demikian, semua masjid adalah dimohon untuk menyalurkan **Kutipan Jumaat bertarikh 13 dan 20 Oktober 2023** ke akaun Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang seperti butiran berikut:

Nama Akaun : Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

Nombor Akaun : 07025010036936

Nama Bank : Bank Islam Malaysia Berhad

4. Justeru, semua sumbangan hendaklah disalurkan ke akaun tersebut **sebelum 25 Oktober 2023.**

5. Selain itu juga, Y.Bhg Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato' /Tuan dimohon untuk mengadakan bacaan yasin secara serentak pada hari Khamis **12 Oktober 2023 (malam)** dan membaca doa Qunut Nazilah dalam solat untuk perlindungan dan keselamatan rakyat Palestin.

Ruj.Kami : JHEAIPP.PMS.3000-1/7/1 JLD.2 (10)
Tarikh : 24 Rabiulawal 1445H
18 Oktober 2023M

BANTUAN KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN

Kerjasama dan perhatian pihak Y.Bhg Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato'/ Tuan dalam menjayakan misi bantuan ini amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"

Saya yang menjalankan amanah,



(ZULKIFLI BIN RASHID)

Pengarah

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang

s.k Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri 1
Negeri Pulau Pinang.

Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.